

ASET MINIMUM, FDI SOKONG RUANG KERJA BERSAMA



Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

PASARAN ruang kerja bersama atau *co-working space* terus berkembang di negara dengan pertumbuhan kaki persegi dari pengendali tempatan dan luar negara meningkat dari tahun ke tahun.

Konsep ini menawarkan fleksibiliti tinggi dan kos yang lebih rendah berbanding pejabat tradisional, selari dengan keperluan perniagaan moden yang cepat berubah.

Timbalan Pengerusi dan Pe-

ngarah Eksekutif Paramount Corporation Bhd., Benjamin Teo Jong Hian berkata, permintaan terhadap ruang kerja bersama di Malaysia akan terus meningkat didorong kecenderungan syarikat memilih pendekatan lebih fleksibel serta aset yang minimum.

Katanya, Paramount yang memiliki Co-labs Coworking melihat pandemik Covid-19 menjadi titik perubahan utama kepada industri, sekali gus mengukuhkan nilai penyelesaian ruang kerja bersama dalam kalangan syarikat pelbagai saiz daripada usahawan hingga kor-

**"TREND INI TURUT
DIPACU OLEH
PENINGKATAN
KEMASUKAN
PELABURAN
LANGSUNG ASING (FDI)
KE MALAYSIA DALAM
BEBERAPA TAHUN
KEBELAKANGAN INI..."**

porat dan syarikat multinasional (MNC).

"Trend ini turut dipacu oleh peningkatan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Syarikat baharu yang memasuki pasaran lebih cenderung memilih ruang kerja yang tidak memerlukan komitmen sewaan jangka panjang atau modal perbelanjaan yang besar.

"Syarikat yang baru memasuki pasaran biasanya memerlukan pejabat, tetapi mereka memilih pendekatan 'asset-light' (aset minimum) untuk mengu-

rangkan perbelanjaan awal.

"Mereka tidak mahu terikat dengan kontrak sewaan tiga tahun, terutamanya apabila prestasi pasaran dalam 12 bulan pertama tidak dapat diramalkan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Petaling Jaya, Selangor di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, trend ini bukan sahaja berlaku pada syarikat baharu, tetapi kini melibatkan pelbagai jenis syarikat, sekali gus menjadikan ruang kerja bersama mendapat sambutan baik.

Bersambung di muka 16